

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KEPADA  
PENDUDUK-PENDUDUK DI PONTIAN DAN LABIS,  
JOHOR MENERUSI RADIO DAN TELEVISYEN MALAY-  
SIA PADA 15 SEPTEMBER, 1964

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya suka mengambil peluang ini bercakap sedikit kepada penduduk-penduduk di Negeri Johor, khususnya penduduk-penduduk di kawasan Pontian dan Labis. Tuan-tuan dan puan-puan telah mengetahui bahawa pihak Indonesia telah mendaratkan beberapa puluh orang askarnya di Pontian dan kemudian daripada itu telah menggunakan Pasukan Askar Payung Terjunnya di kawasan Labis. Perbuatan-perbuatan ini terang dan nyata menunjukkan yang Indonesia telah menjalankan pencerobohan kepada Persekutuan Tanah Melayu iaitu negara yang diakuinya dahulu sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Pihak Kerajaan telah mengambil pandangan yang berat kepada peristiwa-peristiwa ini dan bukan sahaja telah mengisytiharkan keadaan darurat di seluruh Malaysia ini, bahkan telah membawa perkara ini ke Majlis Keselamatan Badan Bangsa-bangsa Bersatu supaya Majlis Keselamatan dapat mengambil tindakan memberhentikan Indonesia daripada menjalankan pencerobohan-pencerobohan ini.

Semenjak pencerobohan itu berlaku pihak Pasukan Keselamatan kita iaitu tentera dan polis telah mengambil langkah menyerang ahli-ahli tentera Indonesia itu. Dalam gerakan yang dijalankan oleh Pasukan Keselamatan, Pasukan Keselamatan telah mendapat kejayaan yang sangat gilang gemilang iaitu di Pontian dan terutama sekali baharu-baharu ini di Labis. Kejayaan-kejayaan ini telah dapat dicapai oleh sebab kerjasama yang sangat memuaskan hati yang telah diberi oleh penduduk-penduduk di kawasan Pontian dan juga Labis. Oleh ini saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi tahniah dan juga terima kasih kepada penduduk-penduduk Pontian dan Labis yang telah menunjukkan taat setianya kepada bangsa dan negara dan keberaniannya bagi menawan musuh-musuh yang telah masuk ke negara kita. Kerajaan berasa bangga dan besar hati melihatkan keberanian dan kerjasama yang diberi oleh rakyat negeri ini dan Kerajaan percaya dengan rakyat negeri ini seluruhnya menunjukkan taat setia dan keberanian mereka itu serta kerjasama kepada Kerajaan untuk menghadapi musuh yang sedang menyerang negara kita, musuh-musuh itu dapat ditawan dan dihapuskan dalam tidak berapa lama lagi.

Oleh yang demikian, sambil memberi penghargaan yang tinggi kepada taat setia dan kerjasama yang diberi oleh penduduk-penduduk Pontian dan Labis itu saya sekali lagi berseru supaya rakyat negeri seluruhnya, daripada semua bangsa akan berdiri teguh di belakang Kerajaan serta memberi pertolongan dan kerjasama yang sepenuh-penuhnya untuk menghadapi dan menghapuskan konfrantasi dan pencerobohan yang sedang dilancarkan oleh Sukarno kepada negara kita.

Sekainlah. Terima kasih - Merdeka dan selamat malam.